سيارن ميديا
SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

MUSABAQAH MENGHAFAZ AL-QURAN BERSERTA PEMAHAMANNYA
PERINGKAT SARINGAN KEBANGSAAN TAHUN 1448 HIJRAH

Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS sukacita memaklumkan bahawa Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1448 Hijrah akan diadakan selama lima (5) hari, iaitu pada 10, 12, 14, 16, dan 17 Rabiulakhir 1448 bersamaan 22, 24, 26, 28, dan 29 September 2026 bertempat di Tingkat 7 dan 8, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Sehubungan dengan itu, peserta-peserta yang terlibat hendaklah hadir lebih awal pada tarikh dan masa yang ditetapkan mengikut kategori masing-masing, seperti berikut:

<table>
<tr><th>HARI</th><th>TARIKH</th><th>MASA</th><th>KATEGORI</th></tr>
<tr><td rowspan="2">Hari Pertama
Selasa</td><td rowspan="2">10 Rabiulakhir 1448
22 September 2026</td><td>8.00 pagi</td><td rowspan="2">Kategori ‘D’</td></tr>
<tr><td>1.45 petang</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Hari Kedua
Khamis</td><td rowspan="3">12 Rabiulakhir 1448
24 September 2026</td><td rowspan="2">8.00 pagi</td><td>Kategori ‘E’</td></tr>
<tr><td>Kategori ‘C’</td></tr>
<tr><td>1.45 petang</td><td rowspan="3">Kategori ‘C’</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Hari Ketiga
Sabtu</td><td rowspan="2">14 Rabiulakhir 1448
26 September 2026</td><td>8.00 pagi</td></tr>
<tr><td>1.45 petang</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Hari Keempat
Isnin</td><td rowspan="2">16 Rabiulakhir 1448
28 September 2026</td><td>8.00 pagi</td><td rowspan="2">Kategori ‘B’</td></tr>
<tr><td>1.45 petang</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Hari Kelima
Selasa</td><td rowspan="2">17 Rabiulakhir 1448
29 September 2026</td><td>8.00 pagi</td><td rowspan="2">Kategori ‘A’</td></tr>
<tr><td>1.45 petang</td></tr>
</table>

Bagi sebarang maklumat lanjut, bolehlah menghubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa waktu bekerja di talian 2237512.

-TAMAT-

Disediakan, disahkan dan dikeluarkan oleh:
Unit Perhubungan Awam
Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Rujukan: KHEU/BPA/SM064/SEPTEMBER2026
Tarikh: 07 Rabiulakhir 1448 bersamaan 19 September 2026